



# POLISI KELESTARIAN

## MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

Selaras dengan komitmen terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 2030), Pelan Induk Bandaraya Pulau Pinang dan agenda ESG (Environmental, Social and Governance), Majlis Bandaraya Pulau Pinang mengambil langkah proaktif dalam merangka Dasar Kelestarian Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Dasar ini berfungsi sebagai panduan strategik untuk menginstitusikan amalan kelestarian dalam semua aspek perancangan, operasi dan pembangunan bandaraya. Majlis Bandaraya Pulau Pinang komited untuk memastikan pembangunan mampan dalam operasi harian dengan :

- 1) Komited untuk memperkasakan tadbir urus bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, berintegriti dan memastikan setiap perancangan yang dilaksanakan bersifat inklusif, adil dan mengambil kira keperluan serta suara pelbagai lapisan masyarakat
- 2) Komited untuk meningkatkan kualiti persekitaran yang hijau, bersih dan sihat
- 3) Komited terhadap pembangunan sosial dan penglibatan masyarakat responsif dengan meningkatkan kecekapan sistem perkhidmatan pelanggan, mempertimbangkan keterangkuman komuniti, akses kepada kemudahan asas dan kesejahteraan penduduk dalam persekitaran bandar yang mampan.

Ikrar ini adalah selaras dengan Agenda Hijau Pulau Pinang 2030 dan *Voluntary Local Review 2030* yang meletakkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang sebagai pemangkin utama kepada ekonomi pulau yang bersifat kitaran, cekap sumber dan inklusif.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Rajendran".

**DATO' IR. RAJENDRAN P. ANTHONY**

Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Pulau Pinang  
Berkuatkuasa : **28 JULAI 2025**